



DR. SITI MARIAH MAHMUD (kiri) menjawab soalan daripada wakil persatuan penduduk mengenai isu perumahan di Taman Lestari Perdana, Selangor, baru-baru ini.

Task Force bantu tangani isu CF di Taman Lestari Perdana

SERI KEMBANGAN 4 Sept. - Sebuah Pasukan Petugas Khas (Task Force) akan diwujudkan bagi membantu menyelesaikan pelbagai isu terutama hak milik kediaman, sijil layak menduduki (CF), pembedahan dan masalah struktur jalan di Taman Lestari Perdana (TLP), di sini.

Penubuhan pasukan itu dicadangkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Serdang, Dr. Siti Mariah Mahmud selepas mengambil kira soal tekanan dan emosi penduduk berhubung per-

masalahan yang gagal diselesaikan sejak sekian lama.

Siti Mariah berkata, Task Force itu akan dianggotai sendiri oleh penduduk mewakili persatuan penduduk masing-masing bermula dari TLP 1 hingga 8.

"Pasukan ini akan mengumpul segala maklumat dan data mengenai semua permasalahan untuk dibawa berbincang ke mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) sebelum akhir tahun ini.

"Task Force ini juga akan membantu mengadakan pertemuan

dengan mana-mana agensi seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd. bagi menyelesaikan permasalahan yang berkait dengan tugas mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sesi pertemuan dan majlis ramah mesra pengerusi-pengerusi TLP 1 hingga 8, Desaminium Flora dan Seri Indah bersama ADUN Seri Serdang itu di TLP 8, di sini baru-baru ini.

Difahamkan, kira-kira 70

peratus daripada 4,000 pemilik kediaman di TLP masih belum mendapatkan hak milik kediaman berikutan kegagalan pemaju menguruskan proses tuntutan itu selepas diisytiharkan muflis sejak beberapa tahun lalu.

Pengerusi Persatuan Penduduk TLP 8, Syahril Akmar Abu Bakar berkata, sudah 18 tahun penduduk mendiami kawasan perumahan jenis banglo, semi-D, teres, kondominium dan pangsapuri di situ namun sehingga kini hak milik kediaman tidak di-

berikan pemaju.

"Sehubungan itu, kami memohon sokongan dan bantuan Siti Mariah sebagai ADUN Seri Serdang untuk menyelesaikan kemelut ini bagi memudahkan penduduk menyelesaikan urusan jual beli rumah, pemindahan milik dan wakaf," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk TLP 4, Mohd. Saidi Zakaria pula berkata, pihaknya mendesak supaya MPSJ menjalankan pemantauan terhadap beberapa lot tanah kosong

yang dijadikan sebagai lokasi pembuangan sampah haram di kawasan TLP 4.

"Lot tanah kosong itu juga bertukar menjadi belukar tebal sehingga mengundang kerisauan penduduk terhadap aspek keselamatan dan kesihatan mereka," katanya.

Pertemuan selama tiga jam itu menyentuh pelbagai isu termasuk desakan pembinaan segera sebuah masjid di atas tanah yang digazetkan di kawasan TLP 8 untuk kegunaan penduduk TLP.